

**Pembela BN Melaka Selesai 2,371 Kes Dalam Tempoh Enam Bulan
Bernama
26 Julai, 2013**

MELAKA, 26 Julai (Bernama) -- Pusat Perkhidmatan Barisan Nasional (Pembela BN) Melaka berjaya menyelesaikan 2,371 aduan berhubung pelbagai masalah dalam tempoh enam bulan tahun ini, kata Pengarahnya Amir Hamzah Aziz.

Beliau berkata kes yang diselesaikan merangkumi masalah pendaftaran kelahiran, pendaftaran warganegara, bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Tabung Amanah Pendidikan Melaka.

"Pembela BN Melaka sebagai sebuah jambatan antara rakyat dan kerajaan BN sedia membantu sesiapa sahaja yang memerlukan tidak kira bangsa, agama, atau pun peringkat usia sesuai dengan inisatif BN sebagai sebuah parti pembela nasib rakyat," katanya kepada pemberita di sini Jumaat.

Terdahulu beliau menghadiri majlis penyampaian bantuan dan hamper Aidilfitri kepada 100 orang fakir miskin, Orang Kelainan Upaya dan ibu tunggal yang disempurnakan Ketua Menteri Melaka Datuk Idris Haron.

Amir Hamzah berkata dalam tempoh sama, Pembela BN Melaka juga berjaya menyelesaikan 102 kes yang memerlukan khidmat bantuan guaman.

Katanya, Pembela BN juga berjaya menyelesaikan sebanyak 10,864 kes antara tahun 2009 dan tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966332>